

Mictonorm® Film Coated Tablets

Propiverine HCl (15mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mictonorm® Film Coated Tablets
2. Bagaimana Mictonorm® Film Coated Tablets berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mictonorm® Film Coated Tablets
4. Cara menggunakan Mictonorm® Film Coated Tablets
5. Semasa menggunakan Mictonorm® Film Coated Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mictonorm® Film Coated Tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Mictonorm® Film Coated Tablets

Mictonorm® Film Coated Tablets digunakan untuk merawat pesakit yang mempunyai kesulitan dalam mengawal keinginan untuk buang air akibat pundi kencing yang terlalu aktif atau, dalam sesetengah kes, masalah dengan saraf tunjang. Mictonorm® Film Coated Tablets digunakan untuk merawat simptom-simptom pundi kencing aktif.

Bagaimana Mictonorm® berfungsi

Mictonorm® Film Coated Tablets mengandungi bahan aktif propiverine hidroklorida. Bahan ini menghalang pundi kencing daripada mengecut dan menambahkan jumlah yang boleh dikandung.

Sebelum menggunakan Mictonorm® Film Coated Tablets

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Mictonorm® Film Coated Tablets jika anda alergic (hipersensitif) kepada propiverine hidroklorida atau sebarang bahan lain yang terkandung di dalam Mictonorm® Film Coated Tablets (tersenarai dalam Bahan-bahan kandungan).

Jangan ambil Mictonorm® Film Coated Tablets jika anda menghidap sebarang penyakit berikut:

- usus tersumbat
- pundi kencing tersumbat (kesulitan untuk membuang urin)
- myasthenia gravis (sejenis penyakit yang mengakibatkan kelesuan otot)
- kehilangan fungsi otot yang mengawal pergerakan usus (atoni intestin)
- inflamasi usus yang teruk (ulseratif kolitis) yang boleh menyebabkan cirit-birit berdarah dan mukus dan kesakitan perut
- megakolon toksik (sejenis penyakit yang melibatkan pembesaran usus)
- penambahan tekanan dalam mata (glaukoma penutupan sudut tak terkawal)
- penyakit hati sederhana atau teruk
- degupan jantung yang laju dan luar biasa

Jangan ambil Mictonorm® Film Coated Tablets jika anda hamil, berkemungkinan untuk hamil atau sedang menyusukan anak.

- Sebelum menggunakan Mictonorm® Film Coated Tablets

Sebelum anda mengambil Mictonorm® Film Coated Tablets anda perlu beritahu doktor anda sekiranya anda ada:

- kerosakan pada saraf yang mengawal tekanan darah, kadar degupan jantung, pergerakan usus dan pundi kencing, dan sebarang fungsi dalam badan yang lain (neuropati autonomik)
- penyakit buah pinggang
- masalah organ hati
- kegagalan jantung yang teruk
- pembesaran kelenjar prostat
- pedih hulu hati dan ketidakcernaan yang disebabkan oleh kenaikan jus gastrik ke dalam tekak (hiatus hernia dengan refluks esofagitis)
- degupan jantung luar biasa
- degupan jantung yang laju

Jika anda menghidap sebarang penyakit berikut, hubungi doktor anda. Dia akan beritahu langkah yang perlu diambil.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil atau pernah mengambil sebarang ubat-ubat berikut kerana mereka boleh berinteraksi dengan Mictonorm® Film Coated Tablets anda:

- antidepresan (cth. imipramine, clomipramine dan amitriptyline),
- pil tidur (cth. benzodiazepine),
- antikolinergik yang diambil dengan mulut atau suntikan (selalunya digunakan untuk merawat lelah, kejang perut, masalah mata atau inkontinens urinari),
- amantadine (digunakan untuk merawat selesema),
- neuroleptik seperti promazine, olanzapine, quetiapine (ubat-ubat yang digunakan untuk merawat gangguan psikotik seperti skizofrenia atau kecelaruan keresahan),
- peransang beta (ubat yang digunakan untuk merawat lelah),
- isoniazid (rawatan untuk tuberkulosis) dan
- metoclopramide (digunakan untuk merawat mual dan muntah-muntah).

Bagaimanapun, anda masih boleh mengambil Mictonorm® Film Coated Tablets. Doktor anda akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang atau baru sahaja mengambil sebarang ubat lain, termasuk yang didapati tanpa perskripsi.

Cara menggunakan Mictonorm® Film Coated Tablets

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan warga emas: Jumlah dos Mictonorm® Film Coated Tablets yang biasa ialah dua hingga tiga tablet setiap hari.

Mictonorm® Film Coated Tablets tidak boleh diambil oleh kanak-kanak.

Penyakit buah pinggang: Dos harian maxima ialah 30mg.

- Bila perlu digunakan

Tablet perlu ditelan semua sekali sebelum makan. Ambil tablet anda pada waktu yang sama setiap hari.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda perlu mengambil Miconorm® Film Coated Tablets betul-betul seperti yang telah diarahkan. Anda perlu rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abai dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya anda secara tidak sengaja mengambil lebih banyak daripada dos yang diperlukan, hubungi jabatan kecemasan terdekat anda atau hubungi doktor atau ahli farmasi anda dengan segera. Jangan lupa untuk bawa bersama tablet yang tinggal bersama anda.

Semasa menggunakan Miconorm® Film Coated Tablets

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor, doktor gigi atau ahli farmasi lain yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ranitidine.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Miconorm® Film Coated Tablets kadang-kala boleh menyebabkan mengantuk dan penglihatan yang kabur. Anda tidak boleh memandu atau mengemudi peralatan mesin jika anda mengantuk atau mempunyai penglihatan yang kabur.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Miconorm® Film Coated Tablets mengandungi laktosa (gula). Jika anda diberitahu oleh doktor anda bahawa anda

mempunyai intolerans terhadap sesetengah gula, hubungi doktor anda berkenaan pengambilan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Miconorm® Film Coated Tablets boleh memberi kesan sampingan, walau bagaimanapun bukan semua orang mengalaminya.

Semua ubat boleh mengakibatkan reaksi alergi yang teruk, bagaimanapun perkara ini jarang berlaku. Symptom-symptom berikut adalah tanda-tanda pertama untuk reaksi sebegini:

- Rasa semput secara tiba-tiba, kesulitan bernafas atau pening-pening, pembengkakan pada kelopak mata, muka, bibir atau tekak
- Mengelupas dan melecet pada kulit, mulut, mata dan genital
- Ruam pada satu badan.

Jika anda mendapat sebarang simptom ini semasa perawatan, anda perlu hentikan pengambilan ubat ini dan hubungi doktor anda dengan segera.

Pada teori, anda boleh mendapat serangan glaukoma akut. Pada kes ini, anda akan melihat bulatan berwarna di sekitar cahaya atau mendapat sakit teruk dalam dan pada mata. Anda perlu mendapatkan rawatan perubatan secepat mungkin.

Kesan sampingan seperti berikut telah dilaporkan:

- mulut kering
- penglihatan luar biasa dan kesulitan untuk menumpu penglihatan
- lesu
- sakit kepala
- sakit perut
- ketakcernaan
- sembelit
- berasa tidak sihat dan muntah-muntah
- pening-pening
- menggigil (terketar-ketar)
- kesulitan untuk membuang urin (retensi urinari)
- terasa merah panas
- perubahan deria rasa
- pengurangan tekanan darah dengan rasa mengantuk

- ruam
- degupan jantung luar biasa
- kegelisahan dan kekeliruan
- mengerti perkara yang tidak berlaku (halusinasi)

Jika terdapat sebarang kesan sampingan yang menjadi lebih serius dan jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Miconorm® Film Coated Tablets

- Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C.

Jangan gunakan Miconorm® Film Coated Tablets selepas tarikh luput yang tertera pada bekas ubat ini selepas EXP. Tarikh luput merujuk kepada hari yang terakhir dalam bulan tersebut.

- Pelupusan

Sekiranya doktor atau ahli farmasi anda memberitahu anda untuk berhenti mengambil ubat ini atau ia telah melepasi tarikh luputnya, rujuk kepada ahli farmasi anda apa yang harus dilakukan dengan baki ubat ini.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Miconorm® Film Coated Tablets adalah tablet berfilem warna putih, berbentuk bulat and dwicembung.

Terdapat dalam karton berisi 28 atau 56 tablet.

Bukan semua saiz pek terdapat dalam pasaran biasa.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap tablet mengandungi 15mg
propiverine hydrochloride.

- Bahan tidak aktif

Powdered cellulose, magnesium
stearate, lactose monohydrate,
Hypromellose, cellulose
microcrystalline, stearic acid, talc,
titanium dioxide.

- Nombor MAL

MALxxxxx

Pengilang

ROTTENDORF PHARMA GMBH
OSTENFELDER STR. 51-61, D-59320
ENNIGERLOH GERMANY

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte(M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49,
Sunway Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/03/2022

Nombor Siri

NPRA (R1) 22/003